

23 MAY 2002

Hishammuddin-Pemuda

PROGRAM MASUK KAMPUNG DIBERI PENEKANAN PADA PERHIMPUNAN PEMUDA

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Program Pemuda masuk kampung akan diberi penekanan pada perhimpunan agung Pemuda Umno 18 dan 19 Jun depan.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata, usul itu akan sekali lagi diberi penekanan ke arah memantapkan lagi hubungan ahli Pemuda dengan masyarakat kampung.

"Kita mahu pastikan jurang antara Pemuda dengan masyarakat di kampung akan lebih rapat lagi...sekali gus mewujudkan suasana yang lebih harmoni antara satu sama lain," katanya selepas menerima kunjungan presiden Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) Jacques Rogge di pejabatnya di sini hari ini.

Menurutnya, Pemuda melihat program itu sebagai landasan paling berkesan ke arah memantapkan lagi keyakinan serta kepercayaan masyarakat setempat terhadap Pemuda dan Umno khususnya.

Perkara lain yang turut diberi penekanan pada perhimpunan itu nanti ialah tentang penglibatan serta peranan Pemuda membantu pelarian Chaman di Afghanistan dan juga penglibatan anak-anak muda dalam pembangunan ekonomi negara.

"Kita akan tekankan semula perkara ini dan mencari jalan bagaimana Pemuda hendak mengorak langkah memastikan keberkesanan matlamat yang diperjuangkan itu," katanya.

Menurutnya, usul-usul Pemuda yang bakal dibincangkan pada perhimpunan kali ini semuanya ada kaitan dengan penekanan serta pendirian Majlis Tertinggi.

"Usul-usul lain untuk dibawa pada perhimpunan itu kelak masih pada peringkat perbincangan termasuk draf ucapan dasar saya...kita ada mesyuarat lagi petang ini untuk membincangkannya", kata Hishammuddin.

Menurut Hishammuddin, sedikit perubahan akan dibuat pada perhimpunan kali ini dengan perasmianya diadakan pada sebelah malam bagi memberi lebih banyak ruang kepada perwakilan menyertai perbahasan.

"Ini adalah permintaan Pemuda sendiri dan selepas dikemukakan kepada pihak pengurusan, kita dibenarkan berbuat demikian," katanya.

Ditanya mengenai saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya parti-parti komponen terus memantapkan kedudukan masing-masing semasa perasmian mesyuarat agung MIC baru-baru ini, Hishammuddin berkata beliau melihat arahan itu sebagai persediaan untuk menghadapi pilihan raya.

"Saranan presiden itu kalau kita terjemahkan kepada agenda Pemuda ialah untuk memperhebatkan lagi serangan kita terhadap parti pembangkang...sebab itu saya tengok ia lebih berkisar untuk menyiapkan diri kita dengan pilihan raya yang merupakan agenda penting Pemuda," katanya.

"Memang kita telah serang dan dedahkan kelemahan parti-parti pembangkang sebelum ini dan dengan saranan presiden (PM) itu, Pemuda akan mengorak langkah untuk memperhebatkan lagi serangan", katanya.

Ditanya sama ada Pemuda mempunyai program atau perancangan tertentu dengan bentuk serangan yang dilancarkan itu, Hishammuddin berkata serangan-serangan seperti itu tidak perlu ikut program.

"Kalau hendak serang parti pembangkang tidak perlu ikut program kerana kita sudah tahu kelemahan mereka," katanya.

"Kalau menghadapi pilihan raya, bentuk serangan yang dijalankan ialah memastikan calon kita menang dan tidak dibuat secara membabi buta. Serangan hendaklah mempunyai fakta serta pendirian," katanya.

--BERNAMA

AHA MAD ZB